

Headline **Liga Super Futsal Putrajaya**
Date **15 Feb 2011**
MediaTitle **Kosmo**
Section **Sukan**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **115,967 / 406,000**

Language **Malay**
Page No **61**
Article Size **244 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **1,126**
PRValue **3,378**



Liga Super Futsal Putrajaya

TANGGUNGJAWAB dalam membangunkan sukan dan kecergasan dalam masyarakat perlu dilihat sebagai satu gerakan yang harus dimainkan oleh semua pihak. Ia sejajar dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menjadikan Putrajaya sebagai 'Bandar Mesra Belia' serta harus diisi dengan pelbagai program dan aktiviti menarik yang boleh disertai oleh pelbagai golongan masyarakat khususnya golongan belia dan remaja.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, satu anjakan paradigma diambil untuk dijadikan inisiatif kepada saranan Perdana Menteri dengan mengadakan satu program atau aktiviti yang mampu menarik penyertaan ramai dan dilakukan secara berterusan kepada golongan sasaran KBS yang terdiri daripada para belia.

Berdasarkan kepada kejayaan penganjuran sulung Kejohanan Futsal Penjawat Awam Putrajaya 2011 pada bulan Januari lalu yang mendapat sambutan menggalakkan daripada peserta seluruh negara, KBS telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Liga Super Futsal KBS-Putrajaya 2011 dengan kerjasama Kelab Bola Sepak Futsal Arena bagi memberi ruang dan peluang kepada para belia dan remaja yang bukan sahaja inginkan kemenangan tetapi turut ingin membina nilai-nilai murni dan peribadi yang positif supaya dapat memainkan peranan yang lebih produktif dalam pembangunan negara di samping membina jaringan hubungan dan mengeratkan siratulrahim sesama mereka.

Sebelum ini, KBS yang telah menganjurkan kejohanan Futsal Penjawat Awam Putrajaya-Kota Belia 2011 berpuas hati dengan penganjuran kejohanan tersebut yang mendapat sambutan hangat melalui penyertaan pasukan dari seluruh negara.

Kejohanan tersebut telah menobatkan pasukan dari Insititut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sebagai juara bagi kategori lelaki dan pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) selaku juara bagi kategori wanita. Rata-rata pasukan memberikan reaksi yang positif terhadap penganjurannya dan mahukan KBS memperbanyakkan lagi kejohanan futsal untuk semua golongan termasuk golongan belia.

Ini mendorong KBS untuk menganjurkan Kejohanan Futsal Liga Super KBS Putrajaya 2011 bagi meneruskan kesinambungannya sehingga kemuncak sambutan Hari Belia Negara secara besar-besaran di Putrajaya yang dijadualkan pada 28 Mei depan.

Liga Super Futsal KBS-Putrajaya 2011 akan diadakan di Kompleks Futsal Presint 18, Putrajaya bermula 26 Februari dan akan berakhir pada 21 Mei.

Kompleks Futsal Presint 18, Putrajaya mempunyai

11 gelanggang futsal dan mempunyai kemudahan permainan yang lengkap untuk melaksanakan kejohanan seumpama ini. Kejohanan ini akan berlangsung pada setiap Sabtu dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia tanpa mengira had umur.

Kategori wanita terbuka turut mengambil tempat dalam kejohanan ini sekali gus memberi peluang kepada kaum wanita untuk turut terlibat sama menyertai kejohanan ini bagi merebut kejuaraan.

Pihak penganjur mengalu-alukan penyertaan daripada sektor awam dan swasta, sektor perkilangan, pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta pelajar sekolah dan menghadkan penyertaan kepada sebanyak 216 pasukan yang akan beraksi pada kejohanan tersebut.

Ia termasuk 192 pasukan lelaki dan 24 pasukan wanita. Sebanyak 4 kategori akan dipertandingkan iaitu Kategori Lelaki (Terbuka), Kategori Wanita (Terbuka), Kategori Lelaki (Bawah 18 tahun) dan Kategori Lelaki (Bawah 12 tahun). Setiap pasukan akan diwakili 12 orang pemain.

Sejumlah RM54,000 ditawarkan kepada pemenang-pemenang kejohanan ini dan hadiah kejuaraan yang mencecah RM10,000 bagi johan setiap kategori yang dipertandingkan di samping pingat, sijil dan hadiah iringan yang lain.

Kepada pasukan-pasukan yang berminat, boleh menghubungi Izzady Abd. Lah menerusi talian 03-8871 3158 (pejabat) emel: izza-dy@kbs.gov.my (012-6225425); Azman Maarof di talian 03-8871 3348 (pejabat) emel: gman@kbs.gov.my (012-6554008); Mohd. Hanaffi A. Rahman di talian 03-8871 3355 (pejabat) emel: hana-ffi@kbs.gov.my (012-9236459); Mohd. Zaila Ismail di talian 03-4280 0934 (pejabat) emel: aliazdham@yahoo.com (012-6225425) atau Nik Muhd. Radzi Mohamed Nor di talian 03-8871 3158 (pejabat) emel: focusarena@yahoo.com (019-3519934).